

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
(MACHANG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah secara keseluruhan ringgit Malaysia yang dijimatkan melalui proses apungan minyak yang dilakukan oleh Kerajaan dan adakah ianya digunakan di saluran-saluran yang memerlukan.

**JAWAPAN**

Pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal ini dijangka akan memberi penjimatan sebanyak RM10.7 bilion pada tahun 2015. Penjimatan ini seterusnya akan digunakan bagi menampung kekurangan hasil yang dianggar berjumlah RM13.8 bilion selepas Kerajaan membuat

semakan semula ke atas unjuran asas harga purata minyak mentah Brent semasa Bajet 2015, daripada USD100 setong kepada USD55 setong seperti yang diumumkan dalam perutusan khas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 20 Januari yang lalu.